



**PEJABAT DAERAH/TANAH  
HULU SELANGOR**  
JALAN BUKIT KERAJAAN  
44000 KUALA KUBU BHARU  
SELANGOR

Telefon : 03-60641026  
03-60641030  
No. Faks : 03-60644253 (Pegawai Daerah)  
03-60641160 (Pentadbiran)  
03-60642909 (Pembangunan)  
03-60644253 (Tanah)  
E-Mail : pdhs@selangor.gov.my




**selangorku**

**“KUALITI ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA”**

Ruj.Kami : PTUS 07/01/2017 JLD 6 (97)  
Tarikh : 6 Ogos 2024

Pengerusi  
Kuala Lumpur Bar Committee,  
Unit 4.02, Level 4,  
Wisma Badan Peguam Malaysia,  
No.2, Leboh Pasar Besar,  
50000 Kuala Lumpur.



Tuan,

**MAKLUMAN PENGESAHAN CAP JARI SECARA BIOMETRIK BAGI SEMUA  
TRANSAKSI PINDAH MILIK TANAH (PMT) UNTUK HAKMILIK DAERAH ULU  
SELANGOR**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Pentadbiran ini ingin memaklumkan bahawa **berkuatkuasa pada 19 Ogos 2024, semua transaksi pindahmilik tanah (PMT) bagi hakmilik daerah Ulu Selangor diwajibkan** untuk membuat pengesahan cap jari secara biometrik. Terdahulu, pengesahan cap jari hanya diwajibkan bagi PMT yang melibatkan nilai hartanah RM 1,000,000.00 dan ke atas, dan bagi syarat nyata bangunan Perniagaan ialah bernilai RM2,000,000.00 dan ke atas.
3. Perubahan bagi urusan pengesahan cap jari secara biometrik bagi semua transaksi seperti yang dinyatakan di atas adalah berdasarkan oleh perbincangan bersama dengan Pentadbir Tanah Ulu Selangor dan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor berkaitan isu penipuan transaksi yang semakin membimbangkan merangkumi semua nilai hartanah. Usaha ini untuk menjamin keselamatan pemilikan tanah sekiranya berlakunya penipuan terhadap dokumen hakmilik, pengenalan diri dan penyaksian peguam.
4. Pentadbiran ini memberi jaminan bahawa kelancaran urusan perserahan urusan niaga dan bukan urusan niaga akan berjalan seperti biasa. Sehubungan itu, diharap pihak tuan dapat memberi kerjasama, dan memaklumkan kepada pihak-pihak yang terlibat bagi urusan di atas.

**MAKLUMAN PENGESAHAN CAP JARI SECARA BIOMETRIK BAGI SEMUA  
TRANSAKSI PINDAH MILIK TANAH (PMT) UNTUK HAKMILIK DAERAH ULU  
SELANGOR**

5. Bagi sebarang pertanyaan berkaitan urusan di atas, pihak tuan boleh menghubungi Puan Norhazuwanti Binti Kamaruzaman atau Cik Nurafiqah Binti Mohd Zaidi di talian 03-60641026 untuk makluman lanjut.

Kerjasama daripada pihak tuan terhadap perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“#KITASELANGOR MAJU BERSAMA”**  
**“#MALAYSIA MADANI”**  
**“#BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(YUHANAS KUREE BIN KAMARUDDIN)**  
Pentadbir Tanah Hulu Selangor